

# 4,553 graduan terima ijazah

» Dua tokoh akademik dianugerah gelaran Profesor Emeritus UMS

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah

thaddius@bh.com.my

BH 24.11.2013 4

Kota Kinabalu

Seramai 4,553 graduan menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen Ke-15 Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berlangsung di Dewan Canselor UMS, bermula semalam hingga esok.

Daripada jumlah itu, seramai 3,707 graduan ijazah sarjana muda, diikuti ijazah sarjana (442), ijazah diploma pasca siswazah (347), diploma (27), doktor falsafah (20) dan sarjana falsafah (empat).

Pada tahun ini, UMS turut menyampaikan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan) kepada bekas Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Ego.

Dua tokoh akademik iaitu Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang juga bekas Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dan bekas Dekan Sekolah Sains Sosial UMS, Prof Dr Sabihah Osman, turut dianugerahkan gelaran Profesor



Juhar (kiri) beramah mesra bersama graduan selepas Majlis Konvokesyen UMS Ke-15. Gambar kecil Juhar menyampaikan anugerah kepada graduan pada sesi pertama, semalam.

[FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]

Emeritus UMS.

Abdul Hamid dan Mohd Noh bersama 896 graduan lain menerima ijazah dan gelaran masing-masing daripada Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin, pada sesi pertama, semalam.

dalam dunia pekerjaan memerlukan graduan yang memiliki keyakinan, pengetahuan dan kemahiran sejajar kehendak sektor industri.

## Persaingan sengit

Terdahulu, Juhar yang juga Canselor UMS, berkata graduan perlu menitikberatkan usaha mendapatkan kemahiran tambahan ketika di kampus sebagai bekalan berdepan dengan cabaran apabila mencari pekerjaan.

Katanya, persaingan sengit

## Kemahiran insaniah

"Banyak usaha diambil Kementerian Pendidikan dan universiti awam dengan memberi penekanan kepada kebolehpasaran menerusi usaha memperhebatkan program untuk melengkapkan siswazah dengan beberapa kemahiran yang boleh memberi nilai tambah kepada mereka.

"Saya percaya, kemahiran insaniah adalah antara isu yang menjadi fokus dalam pengajian di universiti tempatan, sama ada secara langsung atau tidak," katanya.

Juhar turut merakamkan penghargaan kepada Abdul Hamid yang menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah UMS pertama selama 18 tahun bermula pada 1995.